

Sabtu, 1 Jun 2019 | 9:33pm



MENTERI Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail beramah mesra dengan orang ramai pada Majlis Iftar Saifuddin Nasution bersama Pengamal Media Zon Utara di Bukit Mertajam, hari ini. - Foto Shahnaz Fazlie Shahrizal

KPDNHEP kenal pasti pengimport kaut untung 133 peratus

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

BUKIT MERTAJAM: Sebuah syarikat tempatan yang juga pengimport tunggal sejenis barang utama pengguna di negara ini, dikenal pasti mengaut keuntungan sebanyak 133 peratus.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata margin keuntungan itu dikesan menerusi harga jualan barang terbabit kepada pemborong.

Bagaimanapun, beliau berkata, syarikat dan jenis barang itu masih belum boleh didedahkan berikutnya notis beri alasan terhadap mereka belum dapat diserahkan kepada pihak pengurusannya.

"Kita tahu siapa pengimport terbabit dan kementerian sudah berusaha mengeluarkan notis kepada mereka supaya mengemukakan alasan mengaut margin keuntungan secara berlebihan."

"Kita sudah berusaha menghantar notis itu sebelum ini, namun gagal kerana syarikat terbabit tidak beroperasi pada hari berkenaan. Bagaimanapun, kita menghantar semula (notis) kepada mereka, hari ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Iftar Saifuddin Nasution bersama Pengamal Media Zon Utara, di sini, hari ini.

Saifuddin Nasution berkata, notis itu dikeluar bagi memastikan pengimport terbabit menjelaskan tindakan mereka mengaut keuntungan berlebihan yang antara lain disifatkan tidak bersesuaian.

"Mengambil keuntungan dalam perniagaan adalah perkara biasa tetapi jika berlebihan, mereka perlu menjelaskan alasan berbuat sedemikian."

"Adakah ia (termasuk) kos upah, sewa gudang, pengangkutan atau bil utiliti? Tindakan kita ini adalah untuk melindungi rakyat kerana tidak boleh mengambil keuntungan berlebihan, selain ia tidak masuk akal," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, sebanyak dua kes direkod membabitkan peniaga menaikkan harga barang kawalan melebihi kadar ditetapkan, sepanjang tempoh penguatkuasaan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) sejak 21 Mei lalu.

"Selain itu, sebanyak 110 kes membabitkan kesalahan tidak mempamerkan tanda harga dikesan melalui pemeriksaan dilakukan ke atas 28,242 premis perniagaan di seluruh negara.

"Hanya dua kes peniaga menaikkan harga barang, maka bagi kita, SKHMP ini berjaya dan sangat berkesan."

"Malah sepanjang pemantauan penguat kuasa kita, terutama di pasar raya, kebanyakan 27 barang kawalan disenaraikan dalam SKHMP dijual bawah harga ditetapkan," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan bekas Pengerusi Majlis Penasihat Kerajaan (MPK), Tun Daim Zainuddin, berhubung isu kos sara hidup.

"Perbincangan mengenai subsidi bersasar juga sudah dalam fasa akhir dengan beberapa perkara perlu diselesaikan terlebih dahulu, sebelum pengumuman mengenainya boleh dibuat," katanya.